

**FASA 1**  
**STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN**  
**DI PUSAT PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT** : *DISCOVERY LEARNING CENTRE ( AL-FARGHANI )*  
**FUNGSI** : PENEROKAAN  
**TAJUK** : MENCERAP BULAN DAN BINTANG

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	SA 2.1	Membuat pemerhatian menggunakan kelima-lima deria.
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	SA 2.1.3	Memerhati persekitaran menggunakan gabungan tiga atau lebih deria.
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Memerhati dan meneroka sistem bulan dan bintang di galeri Al Farghani.
		<b>T</b>	Teleskop, Kamera, Smart TV
		<b>R</b>	Melihat dan mengagumi ciptaan Tuhan.
		<b>E</b>	Mengenalpasti komponen dan reka bentuk teleskop.
		<b>A</b>	Melukis dan mewarnakan teleskop mengikut kreativiti.
		<b>M</b>	Mengenalpasti perbezaan jarak, saiz dan berat. Mengukur perbezaan jarak, saiz berat dan ringan bulan dan bintang.
4	<b>OBJEKTIF</b>	Kanak-kanak dapat meneroka peralatan astronomi yang digunakan untuk mencerap bulan dan bintang.	
5	<b>BBM</b>	Alat tulis dan bahan bantu mengajar dalam galeri	
6	<b>NILAI MURNI</b>	Yakin diri, bantu-membantu dan sabar.	
7	<b>STRATEGI PELAKSANAAN</b>		

1. Guru membawa kanak-kanak ke galeri Al-Farghani.
2. Guru membantu kanak-kanak meneroka sekitar galeri.
3. Guru membimbing kanak-kanak menggunakan teleskop.
4. Guru bertanya kepada kanak-kanak mengenai aktiviti yang telah dijalankan.

Contoh:

- i. Kenapa ahli astronomi menggunakan teleskop?
- ii. Apakah peralatan yang digunakan untuk melihat bulan dan bintang?
- iii. Boleh kah manusia menjelajah ke angkasa?

5. Guru meminta kanak-kanak melukis dan mewarnakan teleskop mengikut kreativiti.
6. Guru meminta kanak-kanak menceritakan hasil lukisan.
7. Kanak-kanak mempamerkan hasil kerja mereka di pusat pembelajaran.

**Nota:**

*\* Guru boleh menyediakan BBM berdasarkan kemudahan yang disediakan di galeri Al-Farghani.*

Lampiran

Contoh model teleskop

